

# Sultan Kedah hargai bantuan kepada mangsa banjir

ALOR SETAR 14 Nov. – Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu mangsa-mangsa banjir di negeri itu, baru-baru ini.

Titah baginda, kerjasama dan bantuan yang dihulurkan kakitangan jabatan negeri dan Persekutuan, badan-badan sukarela serta pelbagai pihak tanpa mengira sempadan agama, bangsa dan fahaman politik amat disanjung tinggi.

“Keadaan ini jelas menggambarkan semangat persaudaraan dan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat beta yang berbilang kaum dalam menghadapi bencana.

“Namun, beta dukacita kerana ada suara sumbang yang tidak menghargai sumbangan dan pengorbanan kerajaan beta serta semua pihak yang terlibat dalam membantu mangsa banjir,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penggal Ketiga Mesyuarat Bajet 2011 di sini hari ini.

Turut berangkat Sultanah Kedah, Tuanku Haminah Hamidun.

Sultan Kedah turut melahirkan simpati kepada 60,240 orang yang menjadi mangsa banjir kali ini dan

sedih di atas kerosakan harta benda, tanaman, ternakan serta kemudahan awam yang dialami mangsa banjir.

“Beta berharap semua mangsa banjir dapat bersabar dengan ujian daripada Allah ini,” titah baginda.

Sultan Abdul Halim bertitah, sepena persidangan bajet tahun ini, baginda amat berharap agar semua wakil rakyat dapat menyumbang idea-idea baru bagi membolehkan ekonomi dan pembangunan negeri terus berkembang secara holistik dan pesat.

Baginda amat mengharapkan kerjasama erat semua pihak, sama ada daripada jabatan kerajaan negeri, jabatan Persekutuan dan syarikat milik kerajaan (GLC) dan swasta untuk melaksanakan projek-projek yang telah dirancang dengan telus dan tersusun.

Titah baginda, sebuah badan pemantau perlu ditubuhkan untuk mengukur tahap pelaksanaan projek tersebut.

Rakyat juga titah baginda perlu diberi ruang untuk menzahirkan aduan, pandangan serta maklumat terkini mengenai tahap kemajuan pembangunan agar perancangan yang dibuat dapat melahirkan suasana kehidupan yang berkualiti pada masa hadapan.



**TUAN KU Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah merasmikan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Penggal Ketiga Mesyuarat Bajet 2011 di Dewan Undangan Negeri di Alor Setar, semalam. – BERNAMA**